

KITA BOLEH MENANG BERSAMA

PENANG LAWAN COVID-19

16 - 31 JULAI, 2021

PENANG 2030

BERSATU DAN SETIA

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Tarik pelaburan RM6 bilion

## wujud lebih 2,000 peluang pekerjaan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Meskipun persekitaran ekonomi negara berdepan dengan pelbagai cabaran dan ketidaktentuan semasa akibat pandemik COVID-19 sejak lebih setahun lalu, Pulau Pinang sekali lagi berjaya memperoleh pelaburan bernilai RM6 bilion pada 2021, sekali gus dijangka mewujudkan lebih 2,000 peluang pekerjaan.

Intel Technology Sdn. Bhd. (Intel) serta Intel Microelectronics (M) Sdn. Bhd. yang berpangkalan di Bayan Lepas terus menjadi penjana utama pertumbuhan di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) membabitkan sektor elektrikal dan elektronik (E&E).

Kedua-dua anak syarikat Intel Corporation (Intel) itu merupakan milik penuh syarikat yang tersenarai dalam *Fortune 500* dan akan melabur sebanyak RM4.4 bilion dengan jangkaan akan mewujudkan lebih 1,593 peluang pekerjaan baharu.

Perkara tersebut diumumkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), Datuk Seri Jebasingam Issace John dalam Mesyuarat Majlis NCIA Ke-26 yang diadakan secara telesidang dan dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 25 Jun 2021.

Hadir sama, Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapha Mohamed dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Zuki Ali.

Turut serta, Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow bersama-sama Menteri Besar dari Perlis; Kedah dan Perak serta wakil-wakil sektor swasta.

Dalam pengumuman tersebut, Jebasingam menyatakan bahawa syarikat Intel telah melabur sebanyak lebih tujuh bilion dolar Amerika di Malaysia sejak 1972.

Malaysia merupakan lokasi terbesar Intel di luar Amerika Syarikat dengan mempunyai lebih 12,000 pekerja dalam pembuatan, reka bentuk produk, fungsi perkhidmatan bersama global dan penjualan serta pemasaran serantau.

Malah, Intel juga merupakan salah satu pengeksport utama di negara ini yang menyumbang 10 peratus daripada jumlah eksport E&E setiap tahun.

Penyerahan *Letter of Award* (LOA) bagi *NCER Talent Enhancement Programme 2021* (NTEP) kepada kedua-dua syarikat Intel disaksikan oleh Perdana Menteri dan Kon Yeow serta ditandatangani bersama-sama oleh Jebasingam dan Naib Presiden Intel Technology Sdn. Bhd. dan Intel Microelectronics (M) Sdn. Bhd., Eric Chan pada Majlis Komitmen Pelaburan 2021 secara maya.

Selain syarikat Intel, Greatech Integration (M) Sdn. Bhd. (Greatech) turut akan membuat pelaburan tambahan bernilai RM1.6 bilion untuk kemudahan-kemudahan baharu operasinya.

Syarikat Greatech merupakan sebuah syarikat tempatan yang menyediakan perkhidmatan penyelesaian bertaraf dunia dalam sektor automasi kilang, mesin dan kelengkapan industri E&E.

Berpangkalan di Batu Kawan, syarikat Greatech berkaitan dijangka mewujudkan 450 peluang pekerjaan apabila kemudahan baharu mula beroperasi pada suku keempat tahun 2021 (Q4 2021).

Penyerahan LOA turut dilaksanakan secara maya dan Greatech Integration (M) Sdn. Bhd. diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Tan Eng Kee yang kini berada di Michigan, Amerika Syarikat.

Difahamkan, Intel dan Greatech merupakan antara lapan syarikat yang menyatakan komitmen pelaburan di negeri-negeri NCER. Secara keseluruhan bagi tahun 2021, NCIA berjaya meraih pelaburan masuk sebanyak RM16 bilion sekali gus menjana 19,652 peluang pekerjaan baharu.




**Meskipun persekitaran ekonomi negara berdepan dengan pelbagai cabaran dan ketidaktentuan semasa akibat pandemik COVID-19 sejak lebih setahun lalu, Pulau Pinang sekali lagi berjaya memperoleh pelaburan bernilai RM6 bilion pada 2021, sekali gus dijangka mewujudkan lebih 2,000 peluang pekerjaan.**

# Dividen, PBAHB bayar pemegang saham sejak 2002

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**Cadangan projek bekalan air utama PBAPP 2021 hingga 2024 :**

**(i) Fasa 1 Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Kerian (250 juta liter sehari) untuk merawat air mentah dari Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS)**

**(ii) Pakej 12A LRA Sungai Dua (114 JLH)**

**(iii) Skim Bekalan Air Sungai Perai (136 JLH)**

**(iv) Fasa 1 Skim Penyahgaraman Bekalan Air Pulau Pinang (250 JLH).**

**GEORGE TOWN -** Perbadanan Bekalan Air Holdings Berhad (PBAHB) mencatatkan keuntungan selepas cukai sebanyak RM24.76 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020.

Pengerusi PBAHB yang juga Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow melalui kenyataan media pada 22 Jun 2021 memaklumkan bahawa pendapatan operasi PBAHB dijana hasil penjualan air terawat oleh anak syarikat utamanya, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP).

"Jumlah pendapatan PBAHB adalah RM336.3 juta pada tahun 2020 berbanding RM340.2 juta pada tahun 2019.

"Penurunan 1.1 peratus jumlah pendapatan itu mencerminkan peralihan penggunaan air berikutan pelaksanaan berturut-turut Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dalam negara.

"(Selain) budaya bekerja dari rumah yang lebih meluas di Pulau Pinang pada tahun 2020 (menyebabkan) penggunaan air 0.55 peratus lebih tinggi (iaitu 309,244,456 meter padu berbanding) tahun 2019 (397,532,394 meter padu).

"(Dan) ia membawa kepada hasil yang kurang untuk penggunaan air yang lebih tinggi di Pulau Pinang kepada PBAPP pada tahun 2020. Itulah sebabnya keuntungan selepas cukai PBAHB adalah RM24.76 juta pada 2020 berbanding RM25.15 juta (2019)," ujarnya.

Mengulas mengenai dividen akhir, Kon Yeow memberitahu bahawa melalui Mesyuarat Agung Tahunan Ke-21 yang diadakan secara maya sepenuhnya, pemegang saham meluluskan pengisytiharan dividen akhir satu peringkat sebanyak 1 sen sesaham bagi tahun kewangan 2020.

"(Dividen akhir) ini akan dibayar selewat-lewatnya tiga bulan dari tarikh kelulusan.

"Tahun 2021 menandakan tahun ke-20 berturut-turut yang mana PBAHB membayar dividen kepada pemegang saham setiap tahun sejak 2002," katanya.

Dalam kenyataan sama, Kon Yeow turut mengumumkan faktor-faktor utama yang terkait dengan prospek masa hadapan PBAHB.

"PBAPP sedang menunggu kelulusan Kerajaan Persekutuan bagi permohonan semakan tarif air 2019 yang dikemukakan oleh PBAPP kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) atas arahan SPAN.

"Permohonan semakan tarif ini didraf mengikut formula Mekanisme Penetapan Tarif (TSM) SPAN serta tertakluk kepada sokongan oleh SPAN dan cadangan Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) bagi memperoleh kelulusan kabinet.

"(Dan) PBAPP bukan satu-satunya operator air di Malaysia yang dikehendaki mengemukakan cadangan semakan tarif air kepada SPAN.

"SPAN telah mengadakan rundingan awam (dalam tempoh 2019 hingga 2021) untuk cadangan semakan tarif di Kelantan, Terengganu, Pahang, Selangor, Wilayah Persekutuan Labuan, Kedah, Perak, Melaka, Negeri Sembilan dan Johor," jelasnya.

Difahamkan, objektif utama semakan tarif PBAPP adalah untuk meningkatkan dana yang mencukupi bagi projek bekalan air yang dicadangkan demi mengurangkan risiko air mentah dan menangani permintaan air masa depan Pulau Pinang.

Tanpa semakan tarif, PBAPP tidak akan dapat mengumpulkan dana mencukupi bagi melaksanakan projek bekalan air yang membabitkan kos ratusan juta ringgit.

Berikut adalah cadangan projek bekalan air utama PBAPP dalam tempoh 2021 hingga 2024 :

(i) Fasa 1 Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Kerian (250 juta liter sehari) untuk merawat air mentah dari Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS);

(ii) Pakej 12A LRA Sungai Dua (114 JLH);

(iii) Skim Bekalan Air Sungai Perai (136 JLH) dan

(iv) Fasa 1 Skim Penyahgaraman Bekalan Air Pulau Pinang (250 JLH).

Dalam pada itu, Kon Yeow menyatakan bahawa sejak 20 tahun lalu, populasi Pulau Pinang meningkat sebanyak 44.2 peratus iaitu daripada 1.23 juta orang pada 2001 kepada 1.776 juta orang pada tahun 2020.

"Jumlah penggunaan air meningkat 43.5 peratus daripada 589 JLH pada 2001 kepada 845 JLH (2020) dan penggunaan domestik menyumbang 62.9 peratus daripada keseluruhan jumlah penggunaan air di negeri ini pada 2020.

"Walaupun permintaan air meningkat seiring dengan pertumbuhan penduduk, ada keperluan mendesak untuk mengatasi masalah penggunaan domestik air per kapita yang tinggi.

"Pada tahun 2020, penggunaan per kapita adalah 299 liter per kapita sehari (LKH) berbanding purata kebangsaan 240 LKH dan ia berkait langsung dengan tarif domestik yang rendah.

"Purata tarif domestik Pulau Pinang untuk 35,000 liter pertama penggunaan domestik sebulan adalah terendah di Malaysia iaitu RM0.32 setiap 1,000 liter berbanding purata nasional RM0.71 setiap 1,000 liter.

"Dalam erti kata lain, penggunaan air domestik per kapita Pulau Pinang adalah 24.6 peratus lebih tinggi daripada purata nasional kerana purata tarif air domestik bagi 35,000 liter pertama sebulan adalah 54.9 peratus lebih rendah berbanding purata nasional," ulasnya.

Mengulas lanjut, Kon Yeow berkata bahawa subsidi air domestik PBAPP untuk mengekalkan tarif air domestik yang rendah adalah berjumlah RM95.35 juta pada 2020 manakala keuntungan selepas cukai adalah RM24.76 juta.

"Oleh itu, PBAPP memohon semakan tarif air atas sebab praktikal iaitu menggalakkan penjimatan air serta bukan pembaziran air dan mengurangkan subsidi air domestik agar PBAPP mempunyai dana yang mencukupi untuk melabur dalam projek bekalan air," jelasnya.




Oleh: **AZMI HUSSIN**

# Lebuh Raya Berkembar Bukit Kukus jangka buka hujung Oktober



RAKAMAN gambar dari atas keadaan lebuh raya yang telah siap dibina.

Gambar : **ALBUM BULETIN MUTIARA**

**GEORGE TOWN -** Projek pembinaan Lebuh Raya Berkembar Bukit Kukus kini berada pada tahap pemajuan 95.91 peratus dengan jangkaan siap pada penghujung bulan Oktober 2021.

Walau bagaimanapun, Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, Zairil Khir Johari berkata bahawa rentetan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Penuh (FMCO) pada 1 Jun lalu, kerja-kerja pembinaan terpaksa ditangguhkan buat sementara waktu.



ZAIRIL Khir Johari.

"Laluan tersebut akan dibuka kepada umum menjelang Oktober 2021, namun kerana kekangan mendapatkan bekalan bahan binaan semasa pelaksanaan FMCO maka kerja-kerja pembinaan ditangguhkan buat sementara waktu.

"(Dan) sekiranya pelaksanaan FMCO dilanjutkan lagi, maka ia pasti akan memberi kesan terhadap proses pemajuan projek ini," ujarnya kepada Buletin Mutiara melalui aplikasi *WhatsApp* pada 22 Jun lalu.

Sebagai rekod, Lebuh Raya Berkembar Bukit Kukus pada asalnya dijadualkan siap pada Julai 2020, namun dek kekangan akibat pandemik COVID-19 dan beberapa faktor teknikal lain membabitkan kerja-kerja tambahan maka pemajuan projek berkenaan dilanjutkan ke bulan Mei 2021.

Kemudian, sekali lagi dilanjutkan ke bulan Oktober 2021 akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan FMCO.

Dalam pada itu, Zairil berharap agar kerja-kerja pemajuan projek berkenaan dapat bersambung semula agar laluan tersebut dapat dibuka kepada orang awam menjelang akhir Oktober 2021.

"Secara tidak langsung, (apabila siap kelak) lebuh raya berkembar sepanjang 5.5 kilometer itu dapat mengatasi masalah kesesakan lalu lintas sehingga 30 peratus terutamanya pada waktu puncak di sekitar Jalan Paya Terubong dan Lebuh Bukit Jambul," katanya.

Projek bernilai RM545.6 juta itu merupakan laluan alternatif yang menghubungkan Lebuh Raya Thean Teik di Bandar Baru Air Itam ke Lebuh Bukit Jambul membabitkan pembinaan sambungan ke Jalan Bukit Kukus.

Manakala, sebahagian pembinaan sambungan lagi melibatkan laluan dari Jalan Bukit Kukus ke Jalan Tun Sardon menuju ke Balik Pulau sepanjang 600 meter.

Terdahulu, pada 8 April 2021, Zairil bersama-sama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong, Yeoh Soon Hin telah mengadakan lawatan tapak ke projek pembinaan tersebut.

Dalam lawatan tapak tersebut, Zairil memaklumkan bahawa laluan berketinggian 60 meter itu dijangka menjadi lebuh raya paling tinggi di Malaysia mengatasi jambatan Lebuh Raya Rawang - Serendah *(Rawang Bypass)* yang berketinggian 58.2 meter.

# Pasaran pekerjaan negeri berdaya tahan

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Di Pulau Pinang, seramai 11,996 buruh berjaya mendapatkan pekerjaan semula melalui Program Insentif Pengambilan Pekerjaan dan Bantuan Latihan yang dikendalikan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) sepanjang tahun 2020, dan sehingga 25 Jun tahun ini seramai 8,958 orang turut berjaya diserapkan dalam sektor-sektor tenaga buruh berkaitan.

Mengulas lanjut mengenai pelaporan terbaru yang disediakan oleh agensi Persekutuan tersebut, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy berkata bahawa situasi tenaga buruh di Pulau Pinang ketika ini masih berdaya tahan antara lain disebabkan sektor perkilangan terutama syarikat multinasional (MNC) dibenarkan beroperasi dengan prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkaitan yang ketat, sehingga kini.

"Sehingga 25 Jun 2021, lima sektor utama yang menyerap pengambilan tenaga buruh di bawah Program Insentif Pengambilan Pekerjaan dan Bantuan Latihan 2.0 adalah sektor perkilangan (2,118 orang); sektor perkhidmatan lain (1,529); pengangkutan dan penyimpanan (958); pentadbiran dan perkhidmatan sokongan (766); serta akomodasi dan industri makanan minuman (637).

"Pengambilan tenaga buruh paling tinggi pada bulan Jun ini iaitu seramai 4,192 orang berbanding Mei (2,121); April (1,010); Mac (905); Februari (425) dan Januari (242), menunjukkan suatu trend peningkatan.

"Keadaan sektor tenaga buruh dijangka boleh berdaya tahan lagi disebabkan jumlah mereka yang hilang pekerjaan (menurut rekod Perkeso) adalah lebih rendah berbanding kadar permintaan tenaga buruh di negeri ini.

"Di samping itu, sektor ekonomi terutamanya syarikat multinasional (MNC) yang masih dibenarkan beroperasi dengan SOP begitu ketat turut membolehkan mereka yang hilang pekerjaan semasa pandemik COVID-19 dengan cepat diserap dalam sektor tenaga buruh yang sedia ada di kilang-kilang," jelasnya pada sesi wawancara khas di sini baru-baru ini.

Sambil menganggap sektor tenaga buruh negeri masih berdaya tahan, Ramasamy bagaimanapun berkata bahawa beliau sendiri masih bimbang dengan nasib rakyat yang bekerja sendiri atau tidak mempunyai pekerjaan tetap.

"Yang tidak duduk dalam sektor buruh secara formal, kita tidak tahu bagaimana nasib mereka.

"Justeru, Pakej Bantuan Ekonomi Rakyat Pulau Pinang yang dilancarkan dalam beberapa fasa sebelum ini adalah relevan untuk membela nasib golongan terjejas daripada segi pendapatan harian (kerana tidak duduk dalam sektor pekerjaan secara formal)," ulasnya yang juga Exco Pembangunan Modal Insan, Pendidikan, Sains & Teknologi.

Berdasarkan laporan terbaru Perkeso, Ramasamy memberitahu bahawa jumlah tenaga buruh yang hilang pekerjaan sepanjang tahun lepas adalah seramai 10,465 orang, sementara sehingga 25 Jun tahun ini adalah seramai 2,101 orang.

"Mengikut sektor industri, paling ramai hilang kerja dalam tahun 2021 adalah sektor perkilangan iaitu seramai 624 orang tetapi yang diserap masuk semula sektor tenaga buruh negeri pada bulan Jun ini sahaja adalah seramai 4,192 orang atau 2,118 mendapat pendapatan semula dalam sektor perkilangan," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai.

Menjawab soalan pemberita selepas itu, Ramasamy memberitahu bahawa kadar pengangguran semasa negeri adalah di bawah paras 3.2 peratus kadar pengangguran kebangsaan yang dicatatkan pada 31 Disember 2020.

Pun begitu, beliau berkata bahawa Kerajaan Negeri menerusi Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC) serta saranan-saranan *Penang Institute* (PI) akan terus berusaha menyediakan lebih banyak kursus jangka pendek kepada belia yang kurang berkemahiran supaya mereka boleh segera memenuhi permintaan pekerjaan selayaknya kelak.



PROF. Dr. P. Ramasamy.

# Kerjasama Kerajaan Negeri Pulau Pinang 'A+'

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

"**PENDUDUK** Pulau Pinang rupa-rupanya begitu baik dan Kerajaan Negeri pula tersangat mesra."

Itu adalah kata-kata Dato' Sahabudin Abd. Manan ketika ditanya mengenai pengalaman sepanjang beliau berkhidmat sebagai Ketua Polis Pulau Pinang selama kira-kira setahun tiga bulan.

"Saya rasa pengalaman di Pulau Pinang tidak seperti yang saya jangkakan sebelum mula bertugas di sini.

"Jangkaan saya pada awalnya adalah tanggungjawab yang bakal dipikul di sini akan menjadi sukar dan sangat mencabar kerana penduduk dan Kerajaan Negerinya mungkin 'tidak mesra'.

"Namun apabila saya datang ke sini, saya dapati penduduk Pulau Pinang sangat baik dan cukup berdisiplin sebenarnya," katanya kepada Buletin Mutiara ketika ditemui selepas mengadakan kunjungan hormat ke atas Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dekat pejabat beliau di Komtar pada 29 Jun lalu.

Beliau yang memulakan perkhidmatan di negeri ini pada 3 Mac 2020 kini dilantik sebagai Pengarah Jabatan Logistik dan Teknologi (JLOG) Bukit Aman berkuat kuasa pada 1 Julai 2021.

Difahamkan, pelantikan beliau adalah bagi menggantikan Datuk Seri Mazlan Lazim yang dilantik sebagai Timbalan Ketua Polis Negara baharu berkuat kuasa pada 25 Jun lalu.

Justeru, Sahabudin memberitahu bahawa beliau memberikan 'Gred A+' terhadap kerjasama yang ditunjukkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) terutamanya dalam usaha melawan pandemik COVID-19.

"Kerajaan Negeri Pulau Pinang bukan sahaja memberikan sokongan moral tetapi juga daripada segi keperluan PDRM seperti peralatan penjagaan diri (PPE), khemah untuk sekatan jalan raya (SJR) serta bantuan RM300 kepada setiap anggota.

> **"Sahabudin memberitahu bahawa beliau memberikan 'Gred A+' terhadap kerjasama yang ditunjukkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) terutamanya dalam usaha melawan pandemik COVID-19."**

"Selain itu, Ketua Menteri sendiri, setiap kali mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Khas Keselamatan Negeri (JKKN) sangat fokus serta sentiasa berusaha mencari penyelesaian terhadap masalah yang dihadapi.

"Saya sangat berterima kasih kepada warga kerja di pelbagai jabatan dan agensi Kerajaan Negeri yang memberikan kerjasama yang terbaik dalam menangani COVID-19," katanya sambil tersenyum mesra.

## Cabaran utama

Menyentuh soal cabaran sepanjang perkhidmatannya, Sahabudin berkata bahawa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020 sudah pastinya memberikan banyak pengajaran serta pengalaman baru kepada beliau dan seluruh anggota PDRM.

"Ia menjadi satu cabaran mungkin disebabkan pelaksanaan PKP dek penularan pandemik COVID-19 pada waktu itu merupakan sesuatu yang baru dan penduduk masih belum faham semangat PKP sepenuhnya," katanya.

Tambah Sahabudin, pengalaman yang paling diingati adalah isu berkaitan ketidakpatuhan prosedur operasi standard (SOP) di Pasar Air Itam yang sering mendapat liputan meluas di media massa semasa awal pelaksanaan PKP tahun lepas.

"Isu pematuhan SOP di Pasar Air Itam menjadi cabaran utama kepada saya. Jadi, saya sendiri terpaksa turun ke Pasar Air Itam untuk berjumpa dengan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) setempat.

"Kami kemudiannya berbincang dengan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan merancang bagaimana untuk menyelesaikan isu tersebut.

"Alhamdulillah…akhirnya saya dapat kerjasama yang sangat baik daripada Datuk Bandar (MBPP), YB (ADUN Air Itam) dan seluruh jentera Kerajaan Negeri sehingga kita boleh tukar Pasar Air Itam daripada tidak mematuhi SOP kepada sangat patuh.

"Penduduk Pulau Pinang juga semakin memahami serta mula akur dengan arahan yang diberi, dan kita dapati pada pertengahan pelaksanaan PKP akhirnya ia menunjukkan kadar pematuhan SOP yang sangat baik," ulasnya.

Mengulas mengenai masalah jenayah di Pulau Pinang, Sahabudin berkata bahawa isu jenayah bukan merupakan masalah utama bagi PRDM disebabkan oleh pelbagai pemeriksaan serta sekatan jalan raya yang dijalankan.

"Kita bersyukur dan rasa bertuah kerana disebabkan ada banyak sekatan jalan raya dan pemeriksaan, kadar jenayah di negeri ini telah menurun berbanding tahun lepas terutamanya selepas pelaksanaan *'total lockdown'*," katanya.

## Harapan

Ditanya apakah harapan beliau buat penggantinya, Sahabudin berharap agar kerjasama erat yang sedia terjalin antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PDRM dapat diteruskan pada masa-masa akan datang.

"Saya juga berharap agar pengganti saya nanti dapat meneruskan usaha yang lebih baik untuk memberikan keselesaan serta keselamatan kepada penduduk di negeri ini.

"Penduduk Pulau Pinang bukanlah 'ketegaq' sebagaimana yang sering digambarkan sesetengah pihak sebaliknya mereka ini sangat mudah memberikan kerjasama," jelasnya yang berasal dari Kuala Terengganu, Terengganu.

Justeru, bagi menghargai jasa dan kecemerlangan beliau, Sahabudin dipilih sebagai penerima Darjah Yang Mulia Pangkuan Negeri (D.M.P.N) yang membawa gelaran Datuk oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada Disember tahun lepas.

Anugerah tersebut disampaikan dalam majlis penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-82 mantan Yang di-Pertua Negeri, Tun Dr. Abdul Rahman Abbas.



**DATO' Sahabudin Abd Manan (dua dari kiri) bersama-sama barisan kepimpinan PDRM Kontinjen Pulau Pinang ketika mengadakan kunjungan hormat ke atas Ketua Menteri di sini baru-baru ini.**

# Negeri unik, dipimpin kerajaan prihatin

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**HASRAT** Datuk Abdul Aziz Abdul Majid untuk menabur bakti di negeri sendiri sejak menyertai pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) akhirnya tercapai apabila dilantik sebagai Timbalan Ketua Polis Pulau Pinang pada 16 April 2020.

Walau bagaimanapun, beliau yang merupakan anak kelahiran Kampung Pasir Gebu, Penaga hanya berpeluang berkhidmat di negeri ini selama satu tahun dua bulan sahaja apabila diarah melaporkan diri di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Kuala Lumpur pada 16 Jun 2021.

Justeru, Buletin Mutiara berkesempatan menemu bual beliau sempena hari-hari terakhir berkhidmat di negeri ini pada 8 Jun lalu.

Menurut Abdul Aziz, sepanjang tempoh berkhidmat di negeri ini, beliau diberikan tanggungjawab besar untuk membantu Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam perang melawan pandemik COVID-19.

"Saya terlibat secara langsung dalam mengendalikan kawalan keselamatan dengan mengatur gerak anggota-anggota (PDRM) untuk melaksanakan tugasan di semua sekatan jalan raya (SJR).

"Selain itu, saya juga diberi peranan untuk membantu Kerajaan Negeri dan KKM membangunkan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) awam serta PPV mega selain memastikan aspek kawalan keselamatan terjamin," katanya.

Dalam pada itu, Abdul Aziz menyifatkan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang unik kerana dipimpin oleh kerajaan (negeri) yang prihatin dan sentiasa menyokong usaha PDRM terutamanya dalam melawan pandemik COVID-19.

Beliau memberitahu bahawa keprihatinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam memenuhi keperluan pasukan PDRM tanpa masalah birokrasi dalam tempoh getir berkaitan telah membantu melicinkan tugasan agensi penguatkuasa itu.

"Tahun lepas sahaja, Kerajaan Negeri telah memberi sumbangan 30 buah khemah kepada PDRM untuk keselesaan anggota yang menjalankan tugas di lokasi-lokasi sekatan jalan raya (SJR).

"Selain itu, Kerajaan Negeri turut memberi insentif sebanyak RM300 kepada seluruh warga PDRM yang bertugas di Pulau Pinang.

"Pada masa sama turut membantu membiayai kos sewaan tandas bergerak serta menyalurkan bantuan makanan kepada petugas-petugas kita (PDRM) sejak dari (Perintah Kawalan Pergerakan) PKP 1.0 hingga kini.

"Oleh itu, adalah diharapkan agar kerjasama baik ini akan berterusan sehingga kita sama-sama dapat menangani pandemik COVID-19," ulasnya.

Sebagai anak jati Pulau Pinang, Abdul Aziz merasa begitu berterima kasih dan berbangga apabila tersenarai antara 84 penerima Darjah Setia Pangkuan Negeri (D.S.P.N) yang membawa gelaran Datuk oleh Kerajaan Negeri.

Anugerah tersebut disampaikan dalam majlis penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-82 mantan Yang di-Pertua Negeri, Tun Dr. Abdul Rahman Abbas pada 15 Disember 2020.

> **"Pulau Pinang sebuah negeri yang unik kerana dipimpin oleh kerajaan (negeri) yang prihatin dan sentiasa menyokong usaha PDRM terutamanya dalam melawan pandemik COVID-19. Malah, keprihatinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam memenuhi keperluan pasukan PDRM tanpa masalah birokrasi dalam tempoh getir berkaitan telah membantu melicinkan tugasan agensi penguatkuasa berkaitan."**

Ditanya apakah kenangan manis sepanjang berkhidmat di negeri ini, Abdul Aziz memberitahu bahawa pengalaman berada di jalan raya selama beberapa hari semasa awal pelaksanaan PKP 1.0 sememangnya sesuatu yang tidak akan dilupakan.

"Pada awal pelaksanaan PKP 1.0 pada Mac tahun lepas, kita terima banyak laporan bahawa ramai dalam kalangan orang 'kenamaan' cuba merentas sempadan negeri.



ABDUL Aziz Abdul Majid (kiri) semasa melakukan kunjungan hormat ke atas Ketua Menteri dekat pejabat beliau di sini baru-baru ini.

"Justeru, saya mengambil keputusan turun padang dan berada di lokasi SJR (Tol Juru) untuk memantau sendiri keadaan tersebut," ujarnya sambil tersenyum ramah.

Mengulas mengenai harapan beliau, Abdul Aziz berharap agar penggantinya dapat meneruskan kerjasama baik yang telah sedia terjalin antara PDRM dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

"Diharapkan pengganti saya dapat meneruskan legasi yang ada kini, dan paling penting adalah memastikan hubungan PDRM dan Kerajaan Negeri perlu sentiasa baik.

"Ini kerana apa jua masalah yang berlaku, Kerajaan Negeri adalah pihak yang akan menerima maklumat terlebih dahulu dan segera turun membantu apabila diperlukan berbanding di peringkat Persekutuan,' ujarnya menutup bicara.

Sebagai rekod, Pulau Pinang telah menerima pelantikan Timbalan Ketua Polis negeri baharu iaitu Deputi Komisioner Datuk Fisol Salleh berkuat kuasa 14 Jun 2021.



# PKP, cabaran baharu



PERNIAGAAN Mamu Idris Nasi Dalca yang terletak di Taman Mewah, Bagan Dalam.

**GELOMBANG** ketiga pandemik COVID-19 telah mengakibatkan negara berhadapan dengan ketidaktentuan ekonomi sehingga menjejaskan banyak sektor pekerjaan dan perniagaan.

Berlainan dengan kegawatan ekonomi yang melanda negara pada tahun 1997 yang mana kesannya hanya bertumpu pada sektor kewangan.

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan prosedur operasi standard (SOP) yang berbeza mengikut fasa serta peringkat juga dilihat 'mengganggu' perjalanan ekonomi terutama kepada mereka yang bergelar peniaga kecil.

Wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** bersama-sama jurugambar, **DARWINA MOHD. DAUD** dalam siri tinjauan sehari ke Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Bagan Dalam, cuba mendekati beberapa peniaga kecil yang juga terkesan dalam tempoh pelaksanaan PKP.

Pandemik COVID-19 yang melanda negara serta pengumuman pelaksanaan PKP ternyata membuka lembaran baharu buat bekas pemandu bas ekspres, **IDRIS NOOR MOHAMED**.



NASI dalca istimewa Mamu Idris.

Mesra disapa dengan panggilan Mamu Idris, insan yang berusia separuh abad ini berkongsi kisahnya yang terkena tempias impak pandemik COVID-19. Mamu Idris Nasi Dalca terletak di Taman Mewah, Bagan Dalam berhampiran kedai serbaneka 99 Speedmart diusahakan bersama-sama keluarga sejak setahun lalu.

Ceritanya, sejak pelaksanaan PKP pada Mac 2020, mata pencarian beliau kian terjejas. Mengambil kira buah fikiran anak-anak, beliau kini dilihat selesa mengusahakan antara sajian popular serta digemari rakyat tempatan iaitu nasi dalca.

"Selepas terkesan (daripada segi pendapatan) akibat (pandemik) COVID-19, saya bincang dengan anak-anak yang kami kena buat sesuatu untuk jana pendapatan.

"Sebelum ini pun, sebenarnya memang saya ada buat katering secara kecil-kecilan," ujarnya ketika memulakan bicara pada pertemuan baru-baru ini.

Bercerita mengenai idea memulakan perniagaan nasi dalca tersebut, Mamu Idris memberitahu bahawa ia merupakan buah fikiran anaknya yang merupakan siswazah di Universiti Malaya (UM).

"Anak saya yang *'study'* di UM bagi idea untuk mulakan perniagaan.

"Bertitik-tolak daripada situ, saya meminta bantuan daripada YB Satees (Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Bagan Dalam, M. Satees) untuk proses lesen penjaja kecil serta dokumen-dokumen berkaitan bagi permohonan di Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

"Lebih terharu, permulaan untuk berniaga ini turut didorong oleh kawan-kawan daripada syarikat bas ekspres.

"Mereka kumpulkan modal dan beri kepada saya untuk memulakan perniagaan secara kendera saji," katanya yang turut bersyukur dengan rezeki yang ada hari ini.

Ketika memulakan perniagaan nasi dalca, hanya lapan ekor ayam yang digunakan saban hari.

"Namun, sebelum Perintah Kawalan Pergerakan Penuh (FMCO) baru-baru ini, saya mampu menyediakan hingga 17 ekor ayam sehari sebagai lauk kepada nasi dalca.

"Walaupun begitu, sejak FMCO ... agak merosot sedikit kepada 13 ekor ayam sahaja.

"Konsep saya mudah, berniaga sampai habis, saya tidak mahu lauk hari ini diniagakan pula esok.

"Saya cukup tekankan soal kualiti makanan, mesti jaga, tidak habis kita boleh sedekahkan kepada orang lain," katanya.



IDRIS Noor Mohamed.

Difahamkan, kini beliau memulakan perniagaan seawal jam 10:30 pagi hingga lauk-pauknya habis.

Menyentuh mengenai keistimewaan nasi dalca beliau, anak jati Pulau Pinang berkaitan menyatakan bahawa beras yang dimasak adalah beras basmati berkualiti.

"Kita nak bagi orang rasa betul-betul nasi dalca sebenar.

"Selain rasa nasi dalca yang sedap, lauk ayam masak merah juga mendapat sambutan daripada pelanggan, dan ia menggunakan resipi khas yang dipanggil dalam bahasa Tamil sebagai 'samma'.

"Rata-rata pelanggan berusia 40 tahun ke atas, jadi kita tahu mereka ini cukup berpengalaman, macam-macam nasi mereka dah rasa, jadi sekiranya dapat sambutan daripada golongan macam ini saya bersyukur dan tahu kualiti sebenar nasi dalca kami," ulasnya.

Selain Mamu Idris Nasi Dalca, Buletin Mutiara berkesempatan berkunjung ke premis perniagaan bunga dan peruncitan milik **S. INDRANI** di Jalan Kampung Benggali, Butterworth.

Berdepan dengan beberapa siri Perintah Kawalan Pergerakan sejak Mac tahun lalu, wanita berusia 52 tahun tersebut memberitahu bahawa ia bukanlah suatu cabaran yang mudah.

*(Sambungan di muka 7).*

(*Sambungan dari muka 6*).

# peniaga kecil

Memulakan perniagaan menjual bunga lebih tiga tahun lepas menggunakan lesen perniagaan bunga, Indrani terpaksa beralih kepada lesen peruncitan.

"Memang sebelum ini ada jual barangan runcit juga, tetapi yang utama adalah bunga.

"Sejak pelaksanaan pelbagai (peringkat) PKP, perniagaan sedikit merosot, jadi saya tukar sedikit operasi kedai ini, *Vikasheen Flowers & Fruits* yang diberi kebenaran beroperasi," jelasnya yang juga seorang bekas jururawat.

Bagi pengusaha Miko Soya Enterprise, **CHIN CHANG KIANG**, 60 tahun, beliau menyatakan bahawa memasuki fasa PKP sejak lebih setahun lalu telah mengakibatkan perniagaannya susut kira-kira 40 peratus.

"FMCO sekarang lagi teruk daripada sebelum-sebelum ini, apabila banyak kedai tutup di Chai Leng Park, Butterworth ekoran terdapat kes positif COVID-19 dikesan di sini.

"Pengunjung sangat kurang, lagipun saya cuma menjalankan perniagaan secara tradisional, tidak menggunakan sebarang aplikasi moden," responsnya yang agak gusar dengan nasib perniagaannya jika situasi semasa pandemik COVID-19 masih berterusan.

Difahamkan, sejak lebih 20 tahun lalu, Chang Kiang akan memasak sendiri kacang soyanya sebelum menghasilkan produk berasaskan soya untuk dijual. Premis perniagaannya juga terletak di Jalan Kampung Benggali, Butterworth.




CHIN Chang Kiang (kanan sekali) bersama-sama keluarganya di gerai jualan beliau.

SOYA yang dijual.



M. Satees.

Pada kesempatan sama, Buletin Mutiara mendapatkan pandangan **M. SATEES** berhubung nasib peniaga serta penjaja kecil di kawasannya.

Menurutnya, beliau amat prihatin dengan situasi yang melanda peniaga dan penjaja kecil di kawasannya serta sentiasa mengambil maklum perkembangan mereka.

"Malah, saya telah meminta kepada MBSP supaya jangan mengambil tindakan kepada mereka (peniaga dan penjaja kecil) sama ada kompaun atau menutup perniagaan.

"Dalam tempoh pandemik ini bukanlah mudah, ramai yang dibuang kerja, ada yang terpaksa gulung tikar dan sebagainya.

"Di pusat khidmat pun, pihak kami cuba bantu sebaik mungkin daripada segi lesen penjaja kecil serta keperluan dokumen lain, asalkan perniagaan mereka tidak menimbulkan kacau ganggu.

"Nasib mereka ini terumbang-ambing, nak bayar hutang lagi, tidak dinafikan adakalanya ada aduan, namun kita perlu tangani sebaiknya agar periuk nasi penjaja serta peniaga kecil juga terbela tatkala berdepan cabaran ekonomi sekarang," ulasnya yang berharap Kerajaan Persekutuan dapat mengambil tindakan dengan membantu golongan berkenaan meneruskan hidup melalui inisiatif dan insentif bersasar atau apa-apa jua bentuk bantuan.



S. Indrani.

# Buah-buahan dan sayuran tempatan produk

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**KERAJAAN** Negeri Pulau Pinang baru-baru ini telah meluluskan tapak khas untuk membangunkan sebuah Pusat Ekopelancongan Seberang Perai Utara (SPU) dekat Pinang Tunggal, Kepala Batas.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow ketika mengumumkan perkara itu berkata bahawa langkah tersebut adalah bertujuan mempelbagaikan lagi sumber ekonomi penduduk tempatan yang kebanyakannya menjalankan aktiviti pertanian.

Sebuah pakej pelancongan lengkap turut disediakan membabitkan kerjasama antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan pihak-pihak swasta untuk mengembangkan lagi potensi ekopelancongan sedia ada di kawasan itu di samping mewujudkan pelbagai produk baharu.







LAY Hock Peng (kanan) dan Cheng Siew Yang di kebun jambu batu dekat Pinang Tunggal, Kepala Batas.

Menurut Pegawai Penyelaras Khas kepada Ketua Menteri, **LAY HOCK PENG**, pakej ekopelancongan itu diilhamkan sebagai salah satu usaha untuk mempromosikan keunikan alam semula jadi yang ada di SPU.

Walau bagaimanapun kata beliau, pakej tersebut belum lagi dapat dipromosikan sepenuhnya memandangkan keadaan penularan pandemik COVID-19 masih membimbangkan.

Namun begitu menurut beliau, usaha mempromosi Pakej Ekopelancongan SPU tetap berjalan lancar dengan fokus diberikan kepada usaha memperkenalkan produk pertanian tempatan seperti buah-buahan dan sayur-sayuran kepada penduduk setempat sebagai permulaan.

"Pakej ini kita telah rancang sejak dua tahun lalu dan sepatutnya sudah boleh dimulakan pada tahun ini, tetapi memandangkan penularan pandemik COVID-19 masih lagi membimbangkan, jadi kita terpaksa tangguh seketika sehingga keadaan kembali selamat.

"Namun begitu, kerja-kerja mempromosi pakej pelancongan ini tetap kita jalankan dengan menumpukan kepada pelancong tempatan terutamanya di kawasan Pinang Tunggal kerana PKP masih lagi berkuat kuasa," katanya kepada Buletin Mutiara ketika mengadakan tinjauan khas ke atas produk ekopelancongan SPU dekat Kampung Setol, Pinang Tunggal baru-baru ini.

## Galak Lebih Banyak Penyertaan Pihak Swasta

Hock Peng yang merupakan antara individu penting menggerakkan pekej tersebut, menjelaskan bahawa tumpuan kini adalah untuk menarik penyertaan seramai mungkin pekebun kecil di SPU demi mempelbagaikan lagi produk yang boleh ditawarkan kepada pelancong.

"Sebenarnya memang banyak pihak swasta berminat, bukan sahaja pekebun serta nelayan, malah ada juga pihak-pihak kilang yang menawarkan produk mereka untuk dimasukkan ke dalam pakej berkenaan.

"Oleh itu, untuk peringkat permulaan ini, kita wujudkan satu promosi dengan menawarkan pakej yang menggabungkan produk makanan keluaran kilang dan hasil nelayan serta pertanian tempatan dan dijual pada harga lebih murah berbanding di pasaran.

"Bagi tujuan ini, kita sedang merancang untuk mewujudkan stesen dan beberapa ejen di setiap daerah untuk membolehkan pakej dengan promosi istimewa ini boleh dipasarkan ke seluruh negeri ini," jelasnya.

Mengulas lanjut, Hock Peng memberitahu bahawa selain hasil pertanian tradisional tempatan di Pinang Tunggal, pihaknya turut memfokuskan kepada produk-produk hasil laut daripada nelayan di kawasan Penaga.

"Kepelbagaian produk yang ditawar akan memastikan pakej ekopelancongan ini mampu menarik minat lebih ramai pelancong sama ada dari dalam dan luar negeri.

"Sebab itulah kita masih memikirkan beberapa lagi aktiviti serta produk-produk baru yang boleh dimasukkan ke dalam pakej ini untuk menjadikan ia lebih menarik dan mampu menggamit kehadiran pelancong pada masa akan datang," ulasnya.

Dalam pada itu, beliau melahirkan keyakinan bahawa pakej tersebut bakal menjadi tarikan terbaru di SPU apabila pintu sempadan negeri serta negara dibuka untuk tujuan pelancongan kelak.

"Justeru, pada masa ini, kita masih sedang cuba melengkapkan pakej ini sebaik mungkin kerana apabila pandemik COVID-19 berakhir nanti, sebuah pakej ekopelancongan yang lengkap dapat ditawarkan kepada pelancong.

"Serentak itu, kita juga sedang mengenal pasti beberapa lagi tempat menarik selain Kampung Agong dan Galeri Arkeologi Guar Kepah yang boleh dijadikan tumpuan utama para pelancong.

"Tujuannya adalah kita mahu pastikan pakej ini mampu memberikan keseronokan serta pengalaman yang berharga kepada pelancong sepanjang mereka berada di SPU ini.

"Justeru, kita masih lagi mengalu-alukan penyertaan mana-mana nelayan dan pekebun kecil tempatan yang berminat untuk memperkenal serta memasarkan produk mereka melalui pakej ekopelancongan ini," katanya.

**1. JAMBU batu yang ditanam secara organik menjadikan saiznya lebih besar dengan rasa lebih sedap.**

**2. CHENG Siew Yang menunjukkan perangkap serangga yang dipasang di setiap pohon jambu batu miliknya.**

## Jambu Batu Organik

Salah satu produk yang ditawarkan dalam Pakej Ekopelancongan SPU adalah jambu batu organik daripada pekebun kecil tempatan, **CHENG SIEW YANG**, 48.

Pemilik *Eco Village Enterprise* itu ketika ditemui menyatakan bahawa beliau mengambil keputusan untuk menyertai Pakej Ekopelancongan SPU bertujuan memasarkan produknya secara lebih meluas.

"Setakat ini hasil pertanian yang saya usahakan hanya mampu dipasarkan di sekitar Pulau Pinang terutamanya Pinang Tunggal dan beberapa kawasan di Kedah.

*(Sambungan di muka 9).*

*(Sambungan dari muka 8).*

# utama Pakej Ekopelancongan SPU

"Tambahan pula sekarang tempoh pandemik, jadi hasil jualan adalah agak merosot. Oleh itu, diharapkan melalui Pakej Ekopelancongan SPU ini, produk pertanian saya dapat dipasarkan lebih meluas lagi terutamanya ketika musim hujan," serunya.

Ditanya mengenai keistimewaan tanaman yang diusahakan beliau berbanding pekebun lain, Siew Yang menjelaskan bahawa jambu batu di kebunnya seluas hampir dua ekar itu ditanam secara organik.

"Baja yang digunakan adalah jenis organik, dan kita juga tidak menggunakan racun serangga sebagaimana lazimnya digunakan oleh petani moden.

"Sebaliknya, saya membuat sendiri perangkap serangga yang diletakkan di setiap pokok jambu untuk menghalang serangan seperti lalat, nyamuk, ulat dan sebagainya.

"Sebab itulah, rasa jambu ini lebih rangup, berair dan saiznya juga lebih besar berbanding jambu biasa yang ada di pasaran," ulasnya yang telah mengusahakan tanaman tersebut sejak lebih lima tahun lalu.

Tambah beliau, jambu yang terhasil dari kebunnya adalah diasingkan mengikut gred iaitu A, B dan C bergantung kepada kualiti buah tersebut.

"Walau bagaimanapun, untuk pakej ekopelancongan ini, kita hanya menawarkan jambu gred A sahaja selain dijual pada harga premium," katanya sambil menambah bahawa beliau kini berdepan masalah tenaga buruh dek penularan COVID-19.

Selain jambu batu, difahamkan Siew Yang yang juga Setiausaha Persatuan Pekebun Kecil Pulau Pinang turut mengusahakan beberapa jenis lagi sayur-sayuran seperti bendi, labu manis dan kelapa muda.

## Jagung Manis dan Air Kelapa Muda

Sementara itu, **SUA YIH SUAN**, 41, berkata penyertaan beliau dalam Pakej Ekopelancongan SPU bukan sekadar untuk meningkatkan pasaran hasil pertanian tetapi juga sebagai inisiatif mempromosikan kawasan SPU ke peringkat antarabangsa.

Beliau yang mengusahakan kebun jagung manis seluas enam ekar turut berharap agar dapat menarik minat golongan muda untuk menceburkan diri dalam bidang pertanian.

"Sebab melalui pakej ini, kita akan menawarkan pengalaman kepada pelancong khususnya pelajar sekolah untuk mempelajari sendiri cara menanam dan memetik jagung di sini.

"Selain itu, mereka juga dapat menikmati rasa manis jagung yang boleh terus dimakan selepas dipetik daripada pohonnya," ujarnya yang telah mengusahakan tanaman tersebut sejak 10 tahun lalu.



JAGUNG ungu istimewa yang ditanam.



PANG Kok Poh.

Difahamkan, selain jagung biasa yang isinya berwarna kuning atau putih, Yih Suan juga mengusahakan jagung ungu tetapi hanya untuk pasaran di Pinang Tunggal sahaja.

Pengusaha kebun kelapa matag, **PANG KOK POH**, 71, pula berharap agar penyertaannya dalam Pakej Ekopelancongan SPU dapat meningkatkan lagi hasil jualan air kelapa muda yang sebelum ini hanya dijual kepada pemborong tempatan sahaja.

Menurut beliau, kelapa muda ketika ini dijual pada harga RM2 sebiji dengan pasaran pula agak terhad.

"Saya sediakan kebun kelapa matag lebih setengah ekar untuk tujuan ini yang mana pelancong boleh datang ke sini dan menikmati air kelapa muda di tengah-tengah alam semula jadi.

"Ini pasti akan memberikan pengalaman menarik untuk mereka khasnya pelancong dari bandar," ujarnya.

Bagi yang berminat untuk mendapatkan buah-buahan tempatan berkenaan boleh hubungi **012 - 478 5599/ 012 - 412 0599** atau layari laman *Facebook Eco Village*.



KEBUN jagung manis seluas enam ekar diusahakan Sua Yih Suan.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| N.26 PADANG KOTA<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| N.03 PINANG TUNGGAL<br>YB Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman | (T) 04 - 575 6526<br>(F) 04 - 575 6526 |
| N.16 PERAI<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| N.07 SUNGAI PUYU<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| N.12 PENANTI<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| N.15 PADANG LALANG<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028<br>(F) 04 - 530 3028 |
| N.29 DATO' KERAMAT<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| N.37 BATU MAUNG<br>YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain<br>pusatkhidmatn37@gmail.com | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| N.08 BAGAN JERMAL<br>YB Soon Lip Chee | (T) 04 - 331 0163 |
| N.22 TANJONG BUNGA<br>YB Zairil Khir Johari | (T) 04 - 890 3866 |
| N.34 PAYA TERUBONG<br>YB Yeoh Soon Hin | (T) 04 - 827 8868<br>(F) 04 - 827 8868 |
| N.28 KOMTAR<br>YB Teh Lai Heng<br>komtar@dappg.org | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| N.06 TELOK AYER TAWAR<br>YB Mustafa Kamal<br>mustafakamal.mkba@gmail.com | (T) 04 - 351 1732 |
| N.09 BAGAN DALAM<br>YB Satees A/L Muniandy<br>n9.bagandalam@gmail.com | (T) 04 - 305 4962 |
| N.11 PERMATANG PASIR<br>YB Muhammad Faiz Bin Fadzil<br>faizfadzilamanah@gmail.com | (T) 04 - 521 1106 |
| N.13 BERAPIT<br>YB Heng Lee Lee<br>berapit@dappg.org | (T) 017 - 813 3509<br>(F) 04 - 540 0006 |
| N.14 MACHANG BUBOK<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| N.17 BUKIT TENGAH<br>YB Gooi Hsiao-Leung<br>gooihsiaoleung@penang.gov.my | (T) 04 - 507 5001<br>(F) 04 - 507 5001 |
| N.18 BUKIT TAMBUN<br>YB Goh Choon Aik | (T) 04 - 502 5818<br>(F) 04 - 506 2138 |
| N.19 JAWI<br>YB H'ng Mooi Lye<br>jawi@dappg.org | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| N.20 SUNGAI BAKAP<br>YB Dr. Amar Pritpal Abdullah<br>ybadunsungaibakapn20@gmail.com | (T) |
| N.23 AIR PUTIH<br>YB Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| N.24 KEBUN BUNGA<br>YB Jason Ong Khan Lee<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| N.25 PULAU TIKUS<br>YB Lee Chun Kit<br>pulautikus@dappg.org | (T) 04 - 228 5298<br>(F) 04 - 229 4294 |
| N.27 PENGKALAN KOTA<br>YB Gooi Zi Sen<br>pengkalankota@dappg.org | (T) 04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| N.30 SUNGAI PINANG<br>YB Lim Siew Khim<br>limsiewkhim@penang.gov.my | (T) 04 - 657 6630<br>(F) 04 - 658 6630 |
| N.31 BATU LANCANG<br>YB Ong Ah Teong<br>batulancang@dappg.org | (T) 04 - 280 4411<br>(F) 04 - 280 4422 |
| N.32 SERI DELIMA<br>YB Syerleena Abdul Rashid<br>32seridelima@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 5611 |
| N.33 AIR ITAM<br>YB Joseph Ng Soon Siang<br>airitam@dappg.org | (T) 04 - 829 9143 |
| N.35 BATU UBAN<br>YB Kumaresan A/L Aramugam<br>kumar.harapan35@gmail.com | (T) 04 - 668 1062<br>(F) 04 - 668 1062 |
| N.36 PANTAI JEREJAK<br>YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail | (T) |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| N.38 BAYAN LEPAS<br>YB Azrul Mahathir Aziz<br>ambasegaria.aam@gmail.com | (T) 04 - 649 3976<br>(F) 04 - 649 3976 |
| N.39 PULAU BETONG<br>YB Haji Mohd. Tuah Ismail | (T) 04 - 866 0214 |
| | |
| | |
| | |
| | |
| DAP PENANG HQ<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| PKR PENANG HQ | (T) 04 - 397 0115 |
| - | (T) |

| NAMA ADUN PEMBANGKANG | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| N.01 PENAGA<br>YB Ustaz Yusni Mat Piah | (T) |
| N.02 BERTAM<br>YB Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq | (T) 013 - 430 6400<br>(P) 04 - 576 7606 |
| N.04 PERMATANG BERANGAN<br>YB Nor Hafizah Othman | |
| N.05 SUNGAI DUA<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) |
| N.10 SEBERANG JAYA<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109<br>(F) 04 - 390 5109 |
| N.21 SUNGAI ACHEH<br>YB Zulkifli Ibrahim<br>n21adunsgacheh@gmail.com | (T) |
| N.40 TELUK BAHANG<br>YB Zolkifly Md. Lazim | (T) |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| N.01 PENAGA<br>Aida Yusof Rawa<br>aidayusofrawa@gmail.com | (T) 019 - 338 2668 |
| N.04 PERMATANG BERANGAN<br>Rosli Hasan | (T) 010 - 468 5990 |
| N.05 SUNGAI DUA<br>Mohd. Taupek Abd. Rahman<br>hajifek@gmail.com | (T) 019 - 415 3850 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637 |
| ANGKATAN PERTAHANAN AWAM | 04-228 9012 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| PBA (PUSAT PANGGILAN 24 JAM) | 04-255 8255 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

**TIADA PERGERAKAN, TIADA JANGKITAN!**







**penanglawancovid19**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBSP 2021

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBSP | 04 - 549 7555 |
| Ahmad Rizal Abd. Hamid | 019 - 464 6696 |
| Anuar Yusoff | 016 - 461 6390<br>04 -507 5390 |
| Chee Yeeh Keen | 019 - 455 7731 |
| Cheen Goon Hooi | 012 - 402 0923 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397<br>04 - 399 6689 |
| Fahmi Zainol | 018 - 232 2502 |
| Galaimani a/l Subramnian | 012 - 534 1384 |
| Harryzan Yaakub | 019 - 456 8484 |
| Heng Yeh Shiuan | 016 - 261 2460 |
| Jason Raj a/l Kirupanantha | 014 - 905 8113 |
| Mohd Saifullah Abd. Nasir | 013 - 770 1001<br>013 - 503 3349 |
| Muhamad Suzuki Ahmad | 0111 - 1119 4419 |
| Ng Yee Siang | 010 - 562 2698 |
| Ngoh Cheng Hai | 017 - 979 0933 |
| Noor Azuawati Ahmad | 018 - 965 4559 |
| Norly Masitah Mohamed Noor | 013 - 582 2503 |
| Ong Jing Cheng | 012 - 758 3779<br>016 - 445 5709 |
| Ooi Boon Sheng | 016 - 447 8320 |
| Ooi Yong Wooi | 016 - 421 1196 |
| Tan Bee Hong | 019 - 458 8321 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Choo Eng | 019 - 448 4344<br>04 - 323 2679 |
| Teh Chuann Yien | 010 - 441 7749 |
| Zainuddin Mohamed | 012 - 479 4200 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Yeap Choon Keong | Timur Laut | Penyelia Bahagian Kewarganegaraan | 013 - 449 0366 |
| 2. | K. Velan | Barat Daya | Pejabat Bahagian Kewarganegaraan Pulau Pinang, Tingkat 3, KOMTAR<br><br>04 - 650 5556 | 018 - 394 4537 |
| 3. | Lim Zheng Han | Seberang Perai Utara | | 011 - 1244 7167 |
| 4. | K. Nirmala | Seberang Perai Tengah | | 017 - 572 0272 |
| 5. | K. Viknesh Prabu | Seberang Perai Selatan | | 012 - 693 4786 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2021

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Abdul Latif Mohamad | 012 - 248 5016 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 019 - 541 4818 |
| Alan Lim Wei Lun | 017 - 343 3995 |
| Dr. Shahul Hameed Syed Mohamed | 013 - 431 9384 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Haji Mohamed Yusoff Mohamed Noor | 019 - 413 8114 |
| Hari Krishnan a/l Ramakrishnan | 010 - 505 5571 |
| Harvindar Singh a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Kaliyappan a/l P. Renganathan | 012 - 407 7276 |
| Lee Chee How | 012 - 470 3389 |
| Lee Kim Noor | 04 - 229 8382 |
| Lee Wei Seang | 012 - 452 8305 |
| Muhamad Khairul Mohd Ali | 012 - 542 0520 |
| Mohd Suhairi Arumugam Abdullah | 016 - 521 3369 |
| Nor Afni Md. Yusuff | 019 - 547 8460 |
| Quah Boon Lim | 017 - 462 2431 |
| Rodziah Abul Khassim | 019 - 319 4840 |
| Rohaizat Hamid | 019 - 510 0075 |
| Tan Chiew Choon | 019 - 470 4499 |
| Tan Hooi Peng | 012 - 498 6212 |
| Tan Seng Keat | 012 - 438 6191 |
| Tan Soo Siang | 012 - 475 2453 |
| Theng Jie Wey | 016 - 418 7108 |
| Wong Yuee Harng | 016 - 439 9121 |


## SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI
SUNARTI YUSOFF

**Jurugambar/Juruvideo:**
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD
NOOR SITI NABILAH NOORAZIS
CHAN KOK KUAN
ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI
MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD



Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com



*Layari*

www.buletinmutiara.com
buletinmutiara | ChowKonYeow
chowkonyeow
@chowkonyeow

# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453
Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 12372
Peminjam : MOHAMMAD KHAIRUL ANWAR BIN MOHD ZAMRI - 93030407****
NO. 8963, PADANG TEMBUSU 13100 PENAGA, SPU
Penjamin 1 : SARINA BINTI AHMAD - 72032007****
NO. 148 LORONG RAMBAI 2/3, TAMAN RAMBAI 09600 KULIM, KEDAH
Penjamin 2 : ANIZAN BIN DAUD - 83013102****
KAMPUNG HUTAN PUTUS, MUKIM PENGKALAN KUNDOR 06800 KUALA KEDAH, KEDAH

No Akaun : 12377
Peminjam : MOHD HIFZHUDDIN BIN NOR AZMAN - 92120909****
19 LORONG 20/SS1, BANDAR TASEK MUTIARA 14120 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 1 : NOR AZMAN BIN YAAKOB - 67022202****
19 LORONG 20/SS1, BANDAR TASEK MUTIARA 14120 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 2 : MUHAMAD HELMI BIN HASSAN - 92103107****
28 LORONG 5/SS3, BANDAR TASEK MUTIARA 14120 SIMPANG AMPAT, SPS

No Akaun : 12381
Peminjam : NUR AIN SYAHMINA BINTI OTHMAN - 96080208****
NO.2031 TINGKAT 1, BLOK CERIA, INSTITUT PERGURUAN TUANKU BAINUN 14400 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : OTHMAN BIN CHE MAN - 64041308****
2031 TINGKAT 1 BLOK CERIA , IPG KAMPUS TUANKU BAINUN 14400 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : ALYES BIN ARIFF - 61060207****
1695 KG ALMA 14400 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 12382
Peminjam : SYAZWANI BINTI SAIDIN - 93030607****
NO.39 MUKIM 4, KAMPUNG PERTAMA 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 1 : SHABARIAH BINTI SAIDIN - 68091607****
39 MUKIM 4 KAMPUNG PERTAMA 13500 PERMATANG PAUH , PULAU PINANG
Penjamin 2 : SHAHRIL BIN SAIDIN - 81033107****
NO. 992, 2/6 PERSIARAN UTAMA, TAMAN KULIM UTAMA 09000 KULIM HI-TECH PARK, KEDAH

No Akaun : 12387
Peminjam : NURUL IMAN BINTI AHMAD FAISAL - 90022207****
B1-10-03 SAVANNA JALAN BBLS 2, BANDAR BARU LEMBAH SELATAN 43800 DENGKIL, SELANGOR
Penjamin 1 : NADIA FITRIAH BINTI AHMAD FAISAL - 85092326****
NO.4366 MUKIM 11, JALAN KEBUN SIREH 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : NAJAH FARAHIN BINTI AHMAD FAISAL - 79012302****
NO.2550 KILOMETER 2, JALAN PADANG NYU 02600 ARAU, PERLIS

No Akaun : 12398
Peminjam : MUHAMMAD FARIS BIN ZAINURDIN - 97111007****
1001 MUKIM 3 PENGKALAN TAMBANG, PERMATANG PASIR 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 1 : MOHAMMAD FADZLI BIN ZAINURDIN - 87090335****
L7 TINGKAT 1 NO.8, JALAN PENGGAWA, BANDAR MAHKOTA CHERAS 43200 SELANGOR
Penjamin 2 : NURTASHA HANIS BINTI ZAINURDIN - 90072007****
1001 MUKIM 3 PENGKALAN TAMBANG, PERMATANG PASIR 13500 PERMATANG PAUH

No Akaun : 12404
Peminjam : NURSYAZWANI BINTI MD. NAZAR - 95080407****
G-10 KUARTERS POLITEKNIK SEBERANG PERAI, JALAN PERMATANG PAUH 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 1 : ZUFIDA NOR BINTI HUSNIN @ ASMUNI - 69010108****
G-10, KUARTERS POLITEKNIK SEBERANG PERAI, JALAN PERMATANG PAUH 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 2 : HIDAYATUN NOR BINTI HUSNIN @ ASMUNI - 81010108****
NO.62 RANCANGAN PERUMAHAN AWAM, ULU KINTA 31150 PERAK

No Akaun : 12407
Peminjam : ELLI AIMAN BINTI MOHD NASIR - 93101207****
1672 LORONG MASJID, PONGSU SERIBU 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : MOHD NASIR BIN ISHAK - 60061202****
1672 LORONG MASJID , PONGSU SERIBU 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : MOHD NAZRI BIN DAUD - 78020407****
10389 LORONG MASJID, PONGSU SERIBU 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 12421
Peminjam : NUR IMAN KAMARIAH BINTI HASHIM - 96050607****
1022 PERMATANG TINGGI C 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : HASHIM BIN REJAB - 62032807****
1022 PERMATANG TINGGI C 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 12424
Peminjam : NOORSYATIRAH BT OTHAMAN - 95071607****
1641 KAMPUNG TOK BEDU 13300 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 1 : NOORMALA BINTI ZAINAL ABIDIN - 62081508****
1641 KAMPUNG TOK BEDU 13300 TASEK GELUGOR, SPU

No Akaun : 12431
Peminjam : MOHAMAD IZZAT BIN MOHAMAD - 96101807****
BLOK 583B-4-10 , PERUMAHAN PEGAWAI KANAN POLIS 11700 JALAN SUNGAI DUA, PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHAMAD BIN K.A. RAZAK - 61042007****
583B-4-10 , PERUMAHAN PEGAWAI KANAN POLIS 11700 SUNGAI DUA, PULAU PINANG

No Akaun : 12457
Peminjam : KEOH KHENG SOON - 95072407****
20-5-6 TINGKAT PAYA TERUBONG 2, AYER ITAM 11060 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : NG SINGEE - 90100607****
NO.43 LORONG KURAU 27, TAMAN CHAI LENG 13700 PERAI

No Akaun : 12459
Peminjam : KIRUTIGGA A/P MUTHU - 94030907****
NO.26 LORONG 16, TAMAN MERAK 14100 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 1 : MALIGA A/P NARAYANASAMY - 66081007****
NO.26 LORONG 16, TAMAN MERAK 14100 SIMPANG AMPAT, SPS

No Akaun : 12461
Peminjam : IRFAN BASYIR BIN JOHARI - 95021207****
TBP 3909 MK 15 KAMPUNG BARU, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : JOHARI BIN SAHAD - 63053007****
TBP 3909, MUKIM 15, KAMPUNG BARU, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM




## SUDAHKAH ANDA MENJELASKAN BAYARAN CUKAI TANAH/CUKAI PETAK?

**1. Cara Pembayaran**

i. Kaunter Pejabat Daerah & Tanah
- tunai
- kad kredit / kad debit
- cek/kiriman wang/kiriman wang pos dibayar atas nama "**Pentadbir Tanah Daerah**"

ii. Bayaran atas talian (*online payment*) – etanah.penang.gov.my
- caj perkhidmatan bagi kad debit sebanyak RM0.50 dan kad kredit 1.00% bagi setiap transaksi

**2. Pengemaskinian Nama, Alamat surat-menyurat di Bil**

- Sistem PTGBil (atas talian) - etanah.penang.gov.my
- Borang NA(2) - diperolehi di Kaunter Hasil Pejabat Daerah & Tanah/ Pejabat Tanah & Galian
- Di bahagian belakang bil cukai tanah/cukai petak

**3. Cara Semak Akaun Cukai**

- Semakan atas talian (*online payment*) – etanah.penang.gov.my (dengan menggunakan **NO KP / POLIS / TENTERA / NO. SYARIKAT**)

**4. Pertanyaan**

- Pejabat Daerah & Tanah Seberang Perai Utara - 04-577 6500 / 04-577 6618
- Pejabat Daerah & Tanah Seberang Perai Tengah - 04-548 8888 / 04-548 8915
- Pejabat Daerah & Tanah Seberang Perai Selatan - 04-585 7800 / 04-585 7851
- Pejabat Daerah & Tanah Daerah Timur Laut - 04-650 5344 / 04-650 5290
- Pejabat Daerah & Tanah Daerah Barat Daya - 04-868 9400 / 04-868 9455
- Pejabat Tanah dan Galian – 04- 650 5849 / 04- 650 5847

**PEMAKLUMAN**

**RALAT: CAJ PERKHIDMATAN BAGI PEMBAYARAN ATAS TALIAN DI BIL CUKAI 2021**

Caj perkhidmatan bagi pembayaran Cukai Tanah/Cukai Petak secara atas talian di ebayar.penang.gov.my akan dikenakan bagi kad debit sebanyak RM0.50 dan kad kredit 1.00% untuk setiap transaksi.

Sila abaikan ralat pada pernyataan "Caj perkhidmatan bagi kad debit dan kad kredit adalah 1.00% bagi setiap transaksi pembayaran cukai secara atas talian" yang tertera di belakang bil cukai Tahun 2021.

# Pandemik,




PERINTAH Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan sejak 18 Mac tahun lepas bukan sahaja mengubah tabiat hidup sekalian rakyat, bahkan turut mengubah gaya perniagaan **MUHAMMAD FIRDAUS KAMARUDDIN**, 21, yang menjaja pek 'chicken chop' di tepi jalan utama Jalan Bukit Minyak.

Dengan parkir motosikal yang penuh bungkusan pek makanan selera Barat tersebut sambil mengangkat plakad yang tertera mesej 'Chicken Chop RM10', setiap hari beliau mampu menjual antara 80 hingga 120 pek.

Kisah kegigihannya turut dikongsi oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubuk, Lee Khai Loon di *Facebook* peribadi baru-baru ini sehingga menggamit perhatian Buletin Mutiara menjejaki kisah anak muda berkenaan.

Seperti dikhabarkan, ada sahaja kereta atau lori yang bertali-arus dan berhenti di bahu jalan untuk membeli pek makanan secara pandu lalu.

Menyedari kedatangan kami yang duduk di pondok menunggu bas bukan untuk membeli, beliau menyapa mesra dengan berkata, "waktu tengah hari hingga selepas Zohor nanti memang ramai berhenti untuk membeli, kadang-kadang sebelum Asar sudah habis menjual."

Sebagaimana digambarkan di media sosial seperti *Facebook*, Muhammad Firdaus semacam telah ada pelanggan setia.

**KEGIGIHAN Muhammad Firdaus Kamaruddin menjaja pek *'chicken chop'* di bawah terik mentari saban hari semasa PKP.**

"Sebenarnya saya mula berniaga pada awal tahun ini, apabila saya dan tiga kawan lain hilang kerja.

"Seperti saya, asal Terengganu, telah merantau ke Kuala Lumpur bekerja di restoran kedai makan sebelum berpindah ke Kulim, Kedah.



**MUHAMMAD Firdaus Kamaruddin bersama-sama pek makanan jualannya setiap hari.**

*(Sambungan di muka 15).*

# Terharu dapat sumbangan komputer riba

KISAH tiga anak **MOHD. TAHIR RAMLI** di Machang Bubuk yang masih bersekolah dan terpaksa saling 'berebut' sebuah telefon pintar milik isteri sepanjang tempoh pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) mungkin antara 1,001 cerita keluarga rakyat yang berlalu di garis masa media sosial *Facebook* kita semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubuk, Lee Khai Loon sendiri baru-baru ini telah mendahulukan duit poketnya sendiri untuk menyumbang sebuah komputer riba kepada keluarga berkenaan.

Kegigihan tiga anak yang saling 'merebut' telefon pintar tersebut turut menggamit Buletin Mutiara menyelami kisah kegigihan keluarga Mohd. Tahir mengharungi PKP yang kian mencabar.

Pada mulanya Mohd. Tahir enggan berkongsi kisah hidup keluarganya.

Namun, setelah dipujuk, beliau buka mulut juga.

"Tiga tahun lepas, saya patah pinggang akibat jatuh semasa memunggah barang turun dari lori treler, duduk beberapa bulan dekat Batu Pahat, Johor.

"Selepas kemalangan itu, saya dah tak boleh buat kerja berat.

"Hasil bantuan seorang kawan, sekarang saya bawa lori 1 tan, tetapi apabila PKP, lori pun dah tak boleh jalan seperti biasa," jelasnya kepada wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **AHMAD ADIL MUHAMAD** ketika ditemui di Lorong Sejahtera, Alma.



**MOHD. Tahir Ramli bersama-sama Nurul Ain Najwa meneliti komputer riba yang diterima hasil sumbangan ADUN Machang Bubuk.**

Terjejas pendapatan semasa tempoh *full lockdown* baru-baru ini telah memaksa Mohd. Tahir ke Pusat Khidmat Rakyat ADUN Machang Bubuk bagi mendapatkan surat sokongan berkaitan supaya lori boleh 'berjalan'.

"Kalau lori tak boleh 'berjalan', macam mana kami sekeluarga nak makan.

"Waktu ke pejabat YB, tak terfikir langsung soal nak memohon komputer riba dan sebagainya, saya nak minta YB tolong keluarkan surat supaya lori saya boleh berjalan juga waktu PKP.

"Yang buka cerita tiga anak saya yang terpaksa berebut telefon emak mereka sebab kelas dalam internet (PdPR) ini adalah pegawai pejabat YB sendiri.

"Paling terharu apabila mendapat tahu YB mengeluarkan duit poket beliau sendiri untuk memberi komputer riba kepada anak-anak saya.

"Saya lega sebab anak-anak dapat guna komputer riba semasa belajar dari rumah," ujarnya sambil merakamkan penghargaan kepada pihak Khai Loon.

Berkongsi cerita lagi, sementara menunggu lori boleh 'berjalan', Mohd. Tahir memberitahu bahawa mujurlah isteri iaitu Hasnah Saad, 47, mengambil upah buat kuih-muih secara kecil-kecilan.

"Isteri pun macam saya, tak boleh buat kerja berat sebab lemah jantung.

"Tak boleh jauh, kena tengok juga sebab banyak kali beliau jatuh di dapur semasa memasak.

"Pendapatan jual kuih-muih tidak seberapa, kalau jualan kasar RM22, modal pokok RM10 kena simpan juga, yang boleh belanja RM12 sahaja pada hari berikutnya.

"Kalau tak jual kuih-muih hari ini sebab isteri ke hospital, esok kita makan apa yang ada di dapur sahaja.

"Tengok kami berumah, orang mungkin ingat kita ada duit walhal orang makan gaji hari, kais pagi makan pagi kais petang makan petang," ujarnya.

Pun begitu, beliau dan isteri senantiasa bersyukur walaupun menempuhi tempoh PKP yang kian mencabar namun anak-anaknya tetap gigih mengaji serta sangat memahami keadaan keluarga mereka ketika ini.

Difahamkan, Mohd. Tahir dikurniakan cahaya mata seramai enam orang, berusia antara 26 tahun hingga 4 tahun.

Tambah Mohd. Tahir, anaknya, Nurul Ain Najwa, 19, dilihat begitu gigih belajar tidak kira siang atau malam untuk persiapan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) pada tahun ini.

Begitu juga dengan dua anak lain iaitu Nor Aliesyq Hanna, 13, dan Aliff Haiqal, 11, menurut Mohd. Tahir lagi masing-masing 'menjadi' dalam pencapaian akademik.

"Alhamdulillah, mereka tahu mengenai keadaan keluarga ini, semasa ada satu telefon (pintar) mereka saling berkongsi sebaik mungkin, begitu juga semasa dapat hadiah komputer riba daripada YB (Khai Loon), saya tengok mereka guna betul-betul untuk belajar," katanya tanda syukur.

*(Sambungan dari muka 14).*

# anak muda gigih cari rezeki

"Apabila hilang kerja di Kulim, Kedah, saya merantau ke Pulau Pinang sebab di negeri ini, saya rasa ekonomi rakyatnya lebih bagus.

"Saya dan kawan-kawan memang tak sangka bahawa kami akan hilang kerja juga di Kulim, Kedah disebabkan PKP pada hujung tahun lepas (2020).

"Akhirnya, pada awal tahun ini, kami serumah nekad untuk masak sendiri dari rumah tempat kami tinggal di Taman Sejahtera, Alma, dan jual cara ini (jaja tepi jalan).

"Alhamdulillah…setiap hari saya boleh jual antara 80 hingga 120 pek di bawah terik matahari macam ini, pelangan tak payah turun kenderaan, boleh beli secara pandu lalu sahaja," katanya sambil merakamkan penghargaan kepada sekalian pelanggan yang menularkan mengenai perniagaan mereka menerusi *Facebook* masing-masing belakangan ini.

Di samping itu, Muhammad Firdaus turut merakamkan penghargaan kepada para penunggang *Grab Food* dan *Food Panda* yang banyak membantu para pelanggan setia di sekitar kawasan Parlimen Balik Pulau.

"Sambutan Alhamdulillah begitu menggalakkan, namun, tengok PKP yang tak tahu bila akan berakhir, saya dan kawan-kawan belum ada rancangan lagi untuk kembali berniaga di premis makanan…lagi mudah jual seperti ini," jelasnya.

Mengakhiri bual bicara, beliau berkata sebagai anak ketiga daripada sembilan beradik, sebahagian hasil keuntungan dihantar kepada keluarga di Terengganu yang turut mengharungi tempoh mencabar *'full lockdown'*.

"Dalam rezeki berniaga bersama-sama tiga kawan serumah, ada sedikit rezeki saya, dan dalam rezeki saya yang sedikit, ada rezeki buat mak ayah dan adik-adik di kampung (dekat Terengganu)," ulasnya lagi sambil merakamkan penghargaan kepada Pusat Khidmat Rakyat ADUN Machang Bubuk yang banyak memberi sokongan kepada perniagaannya sebelum ini.

Untuk merasai kelazatan pek *'chicken chop'* berharga RM10, boleh dapatkan di Jalan Bukit Minyak ataupun hubungi Muhammad Firdaus di talian 019 - 2511986.




**TANDA dagangan *(trademark)* penjualan.**

## Bantuan Bayaran Balik Pinjaman (BBBP) untuk Pelanggan AKPK

**Sekali** lagi negara kita telah diletakkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakkan (PKP 3.0) yang telah berkuat kuasa pada 1 Jun – 14 Jun 2021 dan disambung sehingga 28 Jun 2021 disebabkan oleh peningkatan kes Covid-19.

Pada 31 Mei 2021, Perdana Menteri negara kita YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin telah mengumumkan satu lagi pakej rangsangan ekonomi yang dikenali sebagai PEMERKASA + (Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi Tambahan) untuk kumpulan bersasar dan kumpulan sektor ekonomi yang terjejas akibat dilanda wabak tersebut.

Pakej rangsangan ini bernilai keseluruhan RM40 bilion yang merangkumi suntikan fiskal langsung sebanyak RM5 bilion, dengan tiga (3) objektif utama iaitu:

i) Mempertingkatkan kapasiti kesihatan awam.

ii) Meneruskan agenda Prihatin Rakyat.

iii) Memastikan kelangsungan perniagaan yang terjejas dalam PKP yang lebih ketat.

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), iaitu Agensi di bawah Bank Negara Malaysia telah ditugaskan untuk membantu masyarakat bagi mengatasi masalah pembayaran balik pinjaman/pembiayaan khususnya dengan institusi kewangan melalui Program Pengurusan Kredit (PPK) selain memberikan pendidikan kewangan dan khidmat nasihat kredit kepada individu dan perniagaan.

Di bawah pakej Bantuan Bayaran Balik Pinjaman (BBBP) , Perdana Menteri telah mengumumkan pilihan moratorium pembayaran balik pinjaman **selama tiga (3) bulan atau pengurangan ansuran bulanan sebanyak 50 peratus selama enam (6) bulan** untuk mereka yang layak dalam kumpulan B40, mereka yang kehilangan pekerjaan atau bagi mereka yang pendapatannya berkurang, Perusahaan Mikro yang layak serta Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), termasuk juga Perusahaan Mikro, yang tidak dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh PKP.

AKPK mengambil langkah yang sama dengan memberikan kelonggaran kepada para pelanggan PPK yang termasuk di dalam kategori di atas untuk memilih antara moratorium selama tiga (3) bulan atau pengurangan ansuran bulanan sebanyak 50% selama enam (6) bulan.

Dalam keadaan ini, jika pelanggan PPK memilih untuk penangguhan bayaran selama 3 bulan dan tiada tunggakan bayaran sehingga bulan Jun, BBBP akan bermula pada bulan Julai sehingga September 2021 dan bayaran seterusnya perlu dijelaskan pada bulan Oktober 2021.

Manakala bagi pelanggan PPK yang memilih pengurangan ansuran sebanyak 50% selama enam (6) bulan, separuh daripada jumlah pembayaran ansuran tersebut adalah dari Julai 2021 hingga Disember 2021. Pembayaran penuh jumlah ansuran akan bermula semula pada Januari 2022.

Pakej- pakej yang tersedia untuk para pelanggan PPK mengikut kategori seperti berikut:

i) Individu B40 yang menerima Bantuan Sara Hidup (BSH), Bantuan Prihatin Nasional (BPN) atau Bantuan Prihatin Rakyat (BPR).

ii) Individu (B40,M40 dan T20) yang kehilangan perkerjaan atau yang mengalami pengurangan pendapatan.

iii) Perusahaan Mikro (seperti yang ditakrifkan oleh SME Corp, bagi kemudahan pinjaman yang diluluskan sehingga RM150,000).

iv) PKS termasuk perusahaan mikro yang tidak dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh PKP.

Pelanggan PPK boleh memilih pakej-pakej yang ditawarkan oleh AKPK melalui Portal Pelanggan iaitu di link (https://customer.akpk.org.my). Manakala bagi perusahaan mikro, mereka boleh meminta bantuan untuk pilihan pakej BBBP melalui Meja Bantuan Mikro AKPK. Untuk panduan dan keterangan yang selanjutnya, sila ke pautan: *(https://www.akpk.org.my/my/mejabantuanmikro)*.

Antara dokumen dokumen yang diperlukan untuk pelanggan PPK yang sedia ada yang ingin memohon untuk pakej BBBP adalah seperti berikut:

1. Tiada dokumen yang diperlukan bagi individu B40 yang menerima BSH, BPN dan BPR dan individu B40 yang hilang pekerjaan (walaupun bukan penerima BSH/BPR).

2. Akuan Kendiri (Self-Declaration) sahaja bagi:

- individu M40 dan T20 yang hilang perkerjaan.

- individu B40, M40, T20 yang mengalami pengurangan pendapatan.

- Perusahaan mikro (seperti yang ditakrifkan oleh SME Corp,untuk kemudahan pembiayaan dengan jumlah yang diluluskan hingga RM150,000).

- PKS (termasuk perusahaan mikro) yang tidak dibenarkan beroperasi di sepanjang PKP

Sekiranya pelanggan PPK memilih pakej BBBP ini, ia tidak akan mempengaruhi laporan CCRIS seseorang dengan Bank Negara Malaysia (BNM). Walau bagaimanapun, pelanggan PPK harus sedar bahawa memilih Pakej BBBP akan melibatkan faedah / keuntungan tambahan pada pinjaman mereka selain tempoh pembayaran yang lebih lama.

Dari segi kelayakan, semua kemudahan di bawah Program PPK dengan pembayaran balik yang dibuat terus ke akaun AKPK adalah layak. Namun untuk kemudahan di bawah PPK dengan pembayaran balik pinjaman yang dibuat melalui pemotongan gaji kepada institusi kewangan pelanggan disarankan untuk menghubungi institusi kewangan mereka untuk mendapatkan kelulusan Pakej BBBP.

Bagi kemudahan dari institusi bukan kewangan seperti Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), TEKUN Nasional dan Koperasi Kredit di bawah PPK, mereka juga layak mendapat Pakej BBBP ini. Pada asasnya, Pakej BBBP ditujukan bagi mereka yang benar-benar memerlukan bantuan kerana menghadapi masalah aliran tunai disebabkan wabak tersebut. Sehubungan dengan itu, AKPK menggalakan pelanggan PPK yang tidak terkesanuntuk meneruskan pembayaran mereka seperti biasa.

**Bakat Si Cilik - Mewarna 2/2021**

# Hari Warisan Dunia George Town




Sila isi butiran berikut:

Nama : ..........................................

No. My Kid/ Kad Pengenalan: ..........................................

Alamat: ..........................................

..........................................

Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga: ..........................................

No. Telefon : (Rumah) .................... (Bimbit) : ....................

Emel: ..........................................

**Terma & Syarat Peraduan:**

1. Mewarna : Peraduan dibuka dari 15 Julai 2021 hingga 31 Ogos 2021
2. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.
3. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
4. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
5. Hasil lukisan akan menjadi hak penganjur.
6. Keputusan pengadil adalah muktamad.
7. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 650 5375 / 650 5256.
9. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
   Buletin Mutiara, Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna,
   Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

## Hadiah:

**Pertama: RM350**
**Kedua: RM250**
**Ketiga: RM150**
**5 Hadiah Saguhati**